

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

28. Apakah garis panduan untuk pembinaan menara telekomunikasi?
- (a) Adakah sebarang bantahan daripada penduduk yang berdekatan akan diambil kira sebelum sebarang keputusan kelulusan diberikan?
  - (b) Berikan maklumat lokasi berserta syarikat pemilik menara telekomunikasi yang terdapat di KADUN Batu Uban.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang adalah satu polisi Kerajaan Negeri bagi memperkemas dan menambahbaik proses pembangunan infrastruktur telekomunikasi berikutan wujudnya masalah, salah faham, kekeliruan dan salah tafsiran ke atas proses sedia ada dan disifatkan tidak mesra kepada sektor pembangunan telekomunikasi.
- (a) Berdasarkan Garis Panduan Pembinaan Menara Dan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang Tahun 2015, pendapat atau bantahan penduduk sebelum sebarang kelulusan diberikan tidak terkandung dalam garis panduan tersebut. Menyedari hak-hak penduduk dalam memberi pandangan dan bantahan terhadap pembangunan telekomunikasi, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan satu

Garis Panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) Bantahan Penduduk Terhadap Struktur Pemancar Telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang berkuatkuasa pada 1 Januari 2020. Tujuan utama SOP ini disediakan adalah bagi memperkemas tatacara pengendalian bantahan-bantahan mengenai struktur pemancar telekomunikasi yang diterima oleh Kerajaan Negeri. Satu badan khas siasatan bantahan penduduk akan dipertanggungjawabkan untuk menilai dan menyiasat bantahan yang diterima dalam tempoh 30 hari.

- (b) Setakat ini terdapat tiga (3) menara telekomunikasi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban seperti di jadual berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NAMA LOKASI</b>	<b>PEMILIK MENARA</b>
1	Lot 101, Mk. 13, Sungai Nibong	PDC Telecommunications Services Sdn. Bhd.
2	Rizab Jalan Bukit Gambir	PDC Telecommunications Services Sdn. Bhd.
3	Plot 72, Lot 3401, Jalan Sungai Dua, Gelugor	PDC Telecommunications Services Sdn. Bhd.